

# Projek Kitar Semula Minyak Masak Terpakai




Objektif pelaksanaan projek ialah untuk memberi kesedaran dan mendidik warga kampus tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui amalan kitar semula minyak masak terpakai dengan tidak membuangnya ke dalam paip, sinki, longkang dan lain-lain tempat yang boleh membawa bahaya dan mudharat kepada bumi.

# Projek Sistem Pengairan Pokok Lestari



Perlaksanaan projek yang bermula pada sekitar Jun 2022 telah berjaya disiapkan dengan mengambil masa selama 3 (tiga) bulan. Dengan pemasangan Hydraulic Ramp Pump, objektif projek mengairi tanaman di kawasan At-Tijarah menggunakan air tasik tanpa penggunaan elektrik telah tercapai.

## Program *Eco Nature Walk* UCS



Penganjuran program *Eco Nature Walk* oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti UCS bersempena dengan Festival Kelestarian peringkat UiTM pada 2 Disember 2022. Objektif program ialah untuk memberi kesedaran dan mendidik warga kampus tentang kepentingan suasana kampus yang bersih tanpa sampah kertas dan plastik. Selain aktiviti berjalan kaki sambil menikmati suasana kampus yang bersih tanpa sampah plastik dan kertas, promosi kesedaran kelestarian berjaya dilaksanakan melalui penyediaan reruai (*booth*) mempamerkan aktiviti kelestarian kampus